

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 13 Tahun 2020

PEKELILING PELAKSANAAN PENGECUALIAN SEWAAN SELAMA ENAM BULAN UNTUK PREMIS DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan pelaksanaan pengecualian sewaan premis di Universiti Teknologi MARA (UiTM) selama enam (6) bulan.

2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memutuskan pemberian pengecualian sewaan selama enam bulan untuk semua premis milik Kerajaan Persekutuan seperti kantin sekolah, taska, kafeteria, kedai serbaneka dan lain-lain. Ini termasuk semua premis milik agensi dan badan berkanun Kerajaan Persekutuan. Bantuan ini adalah sebahagian daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Eksekutif (MEU) bilangan 9 Tahun 2020 bertarikh 8 April 2020 telah bersetuju meluluskan pengecualian sewaan premis di Universiti Teknologi MARA (UiTM) selama enam (6) bulan bagi premis di UiTM Shah Alam dan Kampus-Kampus Cawangan.

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan pengecualian sewaan premis di Universiti Teknologi MARA (UiTM) selama enam (6) bulan seperti berikut:

3.1 Pengecualian sewaan diberikan kepada:

- i. Penyewa Ruang Niaga Berstruktur UiTM
- ii. Staf UiTM yang menyewa kemudahan kediaman UiTM
- iii. Taska UiTM

3.2 Pengecualian sewaan TIDAK diberikan kepada:

- i. Penyewa Ruang Niaga Tidak Berstruktur UiTM (termasuk penyewa ruang/ tapak/ bangunan/ kemudahan untuk tempoh pendek dan tiada kontrak)
- ii. Penyewa tapak pencawang telekomunikasi
- iii. Penyewa/pemajak tanah UiTM

- iv. Syarikat konsesi *private finance initiative* (PFI) yang menyewa ruang pejabat dan bangunan UiTM bagi melaksanakan obligasi kontrak konsesi.
 - v. Penyewa yang mempunyai tunggakan bayaran sewaan melebihi 3 bulan pada 31 Mac 2020.
- 3.3 Pengecualian sewaan adalah bagi tempoh 1 April 2020 hingga 30 September 2020 (6 bulan).
- 3.4 Pengecualian sewaan diberikan kepada penyewa yang masih mempunyai baki kontrak sekurang-kurangnya sehingga 30 September 2020 (penangguhan 6 bulan). Penyewa yang mempunyai baki kontrak kurang dari 30 September 2020 diberi pengecualian sewaan mulai 1 April 2020 sehingga tamat kontrak.
- 3.5 Pengecualian sewaan juga diberikan kepada penyewa baharu yang kontraknya bermula di antara 1 April 2020 hingga 30 September 2020. Pengecualian sewaan bermula dari tarikh mula kontrak sehingga 30 September 2020.
- 3.6 Penyewa yang telah membayar sewa bagi tempoh 1 April 2020 hingga 30 September 2020 diberi pilihan:
- i. Pemulangan (*refund*) bayaran sewaan; ATAU
 - ii. Mengiktiraf bayaran tersebut bagi bayaran enam (6) bulan ke hadapan yang belum dibayar; ATAU
 - iii. Penyambungan (*extention*) tempoh kontrak selama 6 bulan (tiada sewaan dikenakan dalam tempoh penyambungan)
- 3.7 Pengecualian sewaan adalah diberikan bagi kadar sewaan sahaja tidak termasuk caj utiliti sekiranya dikira secara berasingan (berdasarkan kontrak).

4.0 **TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling ini dikeluarkan pada 09 April 2020.

5.0 **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 April 2020.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua kampus Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:
Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil. Fail : 100-BBI(PTA.6/6)
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 13